



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DENGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR

JOHOR BAHRU, 13 Mac 2023 - Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil hari ini mengakhiri lawatan kerja selama tiga hari di negeri Johor Darul Ta'zim. Lawatan kerja yang bermula 11 Mac 2023, bertujuan memperkukuh kerjasama strategik antara Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dengan Kerajaan Negeri Johor. Hasrat ini telah disembah maklum oleh YB Fahmi Fadzil semasa sesi Sembah Mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Turut diadakan kunjungan hormat ke atas YAB Menteri Besar Johor bagi menzahirkan komitmen KKD terhadap pembangunan fasiliti telekomunikasi dan ekonomi digital di negeri Johor.

Sesi lawatan kerja ini dimanfaatkan dengan kunjungan ke Iskandar Puteri Data Centre (IPDC) bagi meninjau operasi pusat data. YB Fahmi Fadzil menerima taklimat usaha pengantarabangsaan industri perfileman negara melalui kemudahan penerbitan bersepadu semasa kunjungan ke Iskandar Malaysia Studios (IMS). Beliau turut memuji inisiatif IMS yang aktif menjana ekonomi bagi industri perfileman negara dan tenaga kerja tempatan. Manakala lawatan ke Ibu Pejabat Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) turut meneroka kerjasama ekonomi digital dan pembangunan industri kreatif dengan IRDA sebagai pihak berkuasa wilayah yang menyelaras pembangunan Iskandar Malaysia iaitu sebuah koridor ekonomi di Selatan Johor.

Sempena lawatan kerja ini juga YB Fahmi Fadzil berkesempatan menyantuni mangsa banjir di Dewanraya Kampung Sungai Tiram, Ulu Tiram. Seramai 320 orang penduduk bagi kawasan Parlimen Tebrau yang terdiri daripada 120 orang ketua isi rumah menerima sumbangan kotak makanan keperluan harian manakala sumbangan berupa beg sekolah pula diberikan kepada 200 orang pelajar sempena pembukaan sesi persekolahan akan datang.

YB Fahmi Fadzil turut meluangkan masa bertemu warga kerja Jabatan dan Agensi KKD negeri Johor dalam sesi dialog (*town hall*) bagi menyampaikan amanat mengenai hala tuju kementerian yang menekankan tiga fokus iaitu prasarana telekomunikasi yang menyeluruh, keselamatan siber yang mantap dan ekonomi digital yang merakyat serta mendapatkan maklum balas untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Lawatan kerja ini turut disertai oleh Ketua Setiausaha KKD, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek bersama-sama ketua jabatan dan agensi di bawah KKD.

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Komunikasi dan Digital**